



*Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*

Voice of Academia Volume 11 (2)2016

## **TABLE OF CONTENT**

### **The Usefulness of Using Dikir Barat In Mandarin Learning**

Goh Ying Soon,  
Lee Chai Chuen,  
Ngo Kea Leng3

### **Leaving Child Without Reasonable Supervision In Malaysia: An Overview Under Child (Amendment) Act 2016 And International Legal Framework.**

Irma Binti Kamarudin  
Nur Irinah Binti Mohamad  
Sirat  
Sarirah Binti Che Rose  
Syatirah Binti Abu Bakar

### **Wakaf Tunai Instrumen Pembangunan Sosioekonomi Ummah Di Malaysia**

Surita Hartini bt Mat Hassan  
Dr. Mohd Nasir Ayub

### **The Relationship between Quality of Work Life (QWL) and Organizational Citizenship Behavior (OCB) in Oil and Gas Sector in Terengganu Malaysia.**

Marlina Binti Muhamad  
Dr. Kardina Binti  
Kamaruddin  
Mohd Fazil Bin Jamaludin  
Azlyantiny Binti Mohammad  
Nurul Akmar Tajuddin

### **Solat Jemaah: Kajian Terhadap Pengetahuan dan Penghayatan Mahasiswa UiTM Kedah**

Noor Syahidah Binti  
Mohamad Akhir (Dr)  
Nurazlina Binti Abdul  
Rashid  
Suhaida Binti Abu Bakar

***ACADEMIC SERIES COMMITTEE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH***

**Editor-in-Chief**

Mahazir Ismail(Dr.)

Mohd Rizaimy Shaharudin (Dr.)

**Managing Editor**

Siti Natasha Binti Mohd Yatim

**Field Editor Journal VOA**

**Name**

Mohamad Faizal Bin Ab Jabal  
Dr. Wan Adibah Wan Ismail

Etty Harniza Harun

Aishah Musa

Fadila Binti Mohd Yusof

Dalili Izni binti Shafie

Dr. Hafizah Besar Saaid

Dr. Azhari Md Hashim

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher

Syakirah Mohammed

Zetty Harisha Harun

Robekkah Harun

Siti Aisyah Yusof

Dr. Rosidah Ahmad

PM Dr. Nik Ramli Nik Abdul Rashid

Dr. Roziya Abu

Azmir Bin Mamat Nawi  
Syahrini Shawalludin

**Field/Subject**

Image Extraction, Segmentation, Recognition  
Accounting - financial reporting, corporate governance and auditing

International Business

Language Editor

Art & Design / Social Science

Human Resource Management

Management, Health Services Management, Office Management and Technology, Organizational Behavior, Biomedical ethics/bioethics/Islamic bioethics

Art & Humanities, Design Interaction / Visual Communications

Pengajian Islam, Usuluddin, Syariah, Perbankan Islam TESL/TESOL/ESL

Language Editor

TESL/TESOL/ESL

Pendidikan Islam, Al-quran dan Hadis, Tamadun Islam,

Sains dan Teknologi Islam, Psikologi Islam

Educational Technology, Educational Mathematics & Operation research

Marketing/Corporate Environmental Management

Rural Library, Community & Rural Development,

Community & Rural Empowerment, PR in Library & Information Resource Centre, Library & IRC Product/service Marketing & Promotion

Art & Design / Social Science

Graphic Designer

Copyright © 2017 by the Universiti Teknologi MARA, Kedah

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

© Voice of Academia is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Kedah and Penerbit UiTM (UiTM Press), Universiti Teknologi MARA Malaysia, Shah Alam, Selangor. Printed by Perpustakaan Sultan Badlishah, Universiti Teknologi MARA, Kedah.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

## **WAKAF TUNAI INSTRUMEN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI UMMAH DI MALAYSIA**

**Surita Hartini bt Mat Hassan (Corresponding author)**

Calon Ijazah Doktor Falsafah Pengurusan Pembangunan Islam,

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),

Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.

E-mail: hartinhassan79@yahoo.com

**Dr. Mohd Nasir Ayub**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),

Universiti Teknologi MARA, (UiTM) Kedah.

E-mail: mnasir251@kedah.uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

Wakaf berperanan penting dalam membangunkan sosioekonomi umat Islam. Masalah kekurangan dana dan sumber kewangan menyebabkan harta wakaf di Malaysia tidak dapat dibangunkan. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya pengabaian terhadap aset negara yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah. Kini telah wujud pelbagai kaedah mendapatkan dana membangunkan harta wakaf, salah satu daripadanya ialah melalui instrumen wakaf tunai. Namun begitu, golongan ulama mempunyai pandangan yang berbeza mengenai keharusan wakaf tunai kerana secara semulajadinya wang akan habis apabila digunakan dan amat bertentangan dengan syarat mengekalkan harta wakaf bagi manfaat ummah. Walau bagaimanapun, di Malaysia pelaksanaannya telah diharuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Justeru kajian ini ingin mengenalpasti instrumen wakaf tunai yang di laksanakan di Malaysia dan kesan pelaksanaannya terhadap sosioekonomi ummah. Data yang diperoleh dari sumber kepustakaan ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati instrumen wakaf tunai yang diamalkan di Malaysia terdiri daripada Saham Wakaf, Wakaf Saham, Wakaf Kaki, Wakaf Wang Tunai dan sebagainya. Kajian juga mendapati wakaf tunai berjaya menyumbang dalam pembangunan sosioekonomi ummah dan dimanfaatkan untuk tujuan pendidikan, kesihatan, kerohanian dan ekonomi.

**Kata Kunci :** *Wakaf Tunai, Instrumen, Pembangunan Sosioekonomi, Malaysia*

## PENDAHULUAN

Menurut tatabahasa arab, wakaf atau juga *waqf* bermaksud menahan ((الـسـبـحـلـ)) (al-Jurjani, 2004: 212; Ibn Manzur, t.t: 359). Manakala dari segi istilah bermaksud menahan ‘ain yang dimiliki oleh pewakaf (*waqif*) serta menyedekahkan manfaatnya. Wakaf merupakan ibadah sunat yang sangat digalakkan kepada umat Islam. Ia bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan menginfaqkan sebahagian harta yang dimiliki bagi manfaat seluruh umat manusia. Selain bersifat kerohanian atau bertujuan kebajikan, wakaf juga merupakan institusi sosioekonomi (Razali Othman, 2012) yang memainkan peranan dalam pembangunan ummah dari aspek ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya (Ahmad Ibrahim et al., 1998). Ini kerana harta-harta wakaf seperti tanah, bangunan, wang dan sebagainya jika diurus tadbir dengan baik akan menjana keuntungan berlipat ganda. Ini terbukti dengan amalan wakaf pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniah yang telah berjaya meringankan beban kerajaan dalam menyediakan sumber pembiayaan untuk pembangunan, pendidikan, kesihatan, pertanian dan sebagainya pada zaman tersebut kepada masyarakat (Razali Othman, 2012).

Merujuk kepada fakta sejarah di zaman kegemilangan kerajaan Uthmaniah, berwakaf dengan wang atau wakaf *al-Nuqud* (berwakaf dengan Dinar dan Dirham) telah menimbulkan perselisihan pendapat yang berpanjangan sehingga diharamkan pada satu ketika. Namun berlaku kesepakatan antara ulama fiqh dan kerajaan Uthmaniah dengan menyandarkan fatwa Imam Zufar bagi mengharuskan berwakaf dengan wang (Razali Othman, 2012; Farhana Mohamad Suhaimi et al., 2012).

Oleh itu, keharusan wakaf tunai ini telah banyak memudahkan umat Islam untuk melaksanakan ibadat wakaf tanpa perlu memiliki sebidang tanah yang sesuai atau memiliki bangunan tertentu yang melayakkannya untuk berwakaf untuk kemaslahatan ummah. Dengan nilai sejumlah wang sahaja, umat Islam boleh berwakaf dalam apa bentuk sekalipun melalui saluran atau pihak yang bertanggungjawab.

Amalan berwakaf itu sendiri telah wujud di zaman awal Islam. Masjid Quba' antara masjid yang dibangunkan di atas falsafah wakaf. Baginda Nabi s.a.w. telah membangunkan masjid Quba' yang merupakan masjid yang pertama dalam Islam pada tahun pertama hijrah lagi. Begitu juga dengan masjid Nabawi, masjid yang kedua selepas masjid Quba' telah pun dibina di atas falsafah wakaf pada tahun pertama hijrah (Razali Othman, 2015). Hal ini jelas menggambarkan pensyariatan berwakaf untuk pembangunan dan kelestarian kehidupan ummah amat-amat ditekankan dalam Islam. Allah SWT menukilkan sejarah pembinaan masjid Quba' dalam firmanNya yang bermaksud:

“Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid(Quba` yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya”

(Surah al-Taubah, 9:108)

Pensyariatan ibadah wakaf tidak disebutkan secara jelas dengan kalimah wakaf itu sendiri, namun terdapat bukti dan hujah daripada al-Quran dan hadis tentang galakan membuat kebajikan dan ibadah yang mana pahalanya menjadi khairat kebajikan kepada kaum Muslimin. Tidak ada yang kekal kecuali harta yang diusahakan atau diniatkan untuk kemaslahatan umat Islam. Bahkan amalan bersedekah amat digalakkan dalam Islam dengan cara yang terbaik dan paling sempurna proses perlaksanaannya. Allah SWT telah menukilkan dalam al-Quran maksudnya:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

(Surah Ali Imran, 3:92)

Berdasarkan ayat di atas, Rasulullah SAW menjelaskan kepada Abu Talahah bahawa antara amalan sedekah harta yang dimaksudkan ialah ibadah wakaf. Apabila mendengar penjelasan tersebut, Abu Talahah segera memerintahkan kebunkurma kesayangannya di Buhairah untuk dijadikan harta wakaf demi memenuhi kemaslahatan kaum Muslimin (Hydzulkifli Hashim Omar & Asmak Ab Rahman, 2015).

Hakikat yang ingin dianjurkan dalam Islam ialah agar harta dan limpahan rezeki yang Allah SWT kurniakan itu hendaklah diagihkan kepada manusia yang lain. Kekayaan itu menjadi penyelamat pemiliknya di akhirat kelak dengan amalan sedekah jariah dan kebajikan yang berterusan melalui perlaksanaan ibadah wakaf yang berkesan dan dinikmati oleh orang yang kurang berkemampuan. Falsafah tolong menolong dan berkasih sayang diantara golongan kaya dan miskin diadaptasikan dalam amalan ini. Bertepatan dengan ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)”

(Surah al-Maidah, 5: 2)

Perkara ini juga selari dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“Apabila mati seorang insan, terputuslah semua amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, atau anak soleh yang mendoakannya”

(Suyuti, Syarah Muslim, no. hadis: 1631)

Ulama bersepakat dalam memahami hadis di atas bahawa sedekah jariah adalah menepati amalan berwakaf dan pahalanya akan diganjari oleh Allah SWT secara berterusan. Jelas di sini bahawa berwakaf itu termasuk dalam kategori sedekah jariah yang sangat dianjurkan dalam syarak (Muhammad Abu Zahrah, 2007).

Oleh itu, kertas kerja ini dilakukan bertujuan membincangkan isu yang berkaitan dengan pandangan ulama mengenai wakaf tunai, mengenalpasti instrumen wakaf tunai di Malaysia dan kesan pelaksanaannya di Malaysia. Kajian ini dilakukan secara kualitatif melalui pengumpulan data secara kepustakaan terhadap dokumen bertulis seperti buku, tesis, jurnal, artikel, majalah dan sebagainya. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara analisis kandungan kualitatif. Justeru, perbincangan dalam kertas kerja ini bermula dengan perbincangan berkaitan isu keharusan berwakaf tunai, disusuli dengan instrumen wakaf tunai dan kesan pelaksanaannya.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, wakaf tunai dikatakan menjadi pilihan utama golongan ulama dan golongan berkemampuan pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniah pada abad ke-15 hingga abad ke-17. Menurut kajian Cizakca. M (2004), kerajaan Uthmaniah telah berjaya mengurangkan perbelanjaan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyatnya terutamanya dari segi pendidikan, kesihatan, pembangunan sosial dan sebagainya. Penubuhan Universiti Al-Azhar di Mesir sebelum pemerintahan kerajaan Uthmaniah juga merupakan bukti kepentingan amalan wakaf terhadap pembangunan pendidikan masyarakat Islam sebagaimana yang disebutkan oleh Farhana Mohammad Suhaimi et al. (2012). Kajian yang berkaitan dengan konsep perlaksanaan wakaf tunai pada zaman kerajaan Uthmaniah dilakukan juga oleh Cizakca. M (2012), beliau menyatakan seharusnya dunia hari ini melihat kepada kecemerlangan perlaksanaan wakaf tunai yang dicapai pada zaman kerajaan Uthmaniah dalam melaksanakannya pada masa kini.

Terdapat juga halangan dankekangan dalam membangunkan harta wakaf. Halangan utama yang dihadapi oleh pengamal wakaf dalam menguruskan harta-harta wakaf terutamanya tanah adalah kekangan perundangan. Mengikut kajian Sanep Ahmad dan Nur Diyana bt Muhammad (2011), pengurusan wakaf secara tradisional menyebabkan tidak ada bukti bertulis berkenaan harta yang diwakaf-

kan. Keadaan ini merumitkan urusan mendapatkan hak secara perundangan. Selain itu, kekurangan tenaga pakar di institusi yang terlibat juga turut membantutkan usaha-usaha perlaksanaan ini. Kenyataan ini turut disokong oleh Che Khadijah Hamid (2010) yang telah membuat tinjauan mengenai wakaf tunai di Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan mendapati terdapat banyak masalah pengurusan wakaf tunai disebabkan oleh kekurangan tenaga pakar.

Selain itu, wakaf mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri. Pada masa kini amalan wakaf tunai semakin mendapat tempat dihati masyarakat kerana wakaf tunai dikatakan berpotensi membangunkan sosio-ekonomi masyarakat Islam dari aspek kesihatan, perkhidmatan dan pendidikan (Muhammad Hisham Mohammad, 2009; Che Khadijah Hamid, 2010). Muhammad Hisham Mohammad (2009), menyatakan wakaf tunai boleh mengembangkan peranan institusi wakaf itu sendiri dan meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Islam dalam pelbagai aspek. Kenyataan ini disokong oleh Farhana Mohamad Suhaimi et al. (2012) yang mengatakan wakaf tunai merupakan agen pembangunan umat Islam kerana berpotensi membantu dan mengurangkan bebanan kerajaan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur kepada rakyatnya. Wakaf tunai juga berperanan sebagai sumber pembiayaan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan mengaplikasikan kaedah perlaksanaan yang memberikan pulangan yang tinggi berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Razali Osman dan Rohayu Abdul Ghani (2009). Wakaf tunai juga mampu mengurangkan masalah kemiskinan dikalangan umat Islam jika dilaksanakan dengan baik (Mohd Umar et al., 2012).

Terdapat juga kajian yang melihat kepada potensi perlaksanaan wakaf tunai. Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Suhrawardi (2012) yang meneroka potensi wakaf tunai yang dikeluarkan oleh Pensyarikatan Muhammadiyah Sumatera Utara, Indonesia. Hasil kajiannya mendapati wakaf tunai tersebut akan lebih berpotensi sekiranya diadakan satu penguatkuasaan untuk meningkatkan kefahaman dikalangan kakitangan dan juga orang awam. Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Farhana Mohd Suhaimi & Asmak Ab Rahman (2012) yang meneliti potensi sumbangan wakaf tunai dalam pembangunan sosiekonomi masyarakat Islam di dunia. Kajian mereka mendapati wakaf tunai berpotensi membangunkan sosioekonomi ummah di Malaysia.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, tidak dapat dinafikan bahawa wakaf tunai merupakan salah satu sumber kewangan kepada pentadbir amanah wakaf untuk membangunkan harta dan harta tanah wakaf. Namun begitu, setakat ini kajian tentang instrumen-instrumen wakaf tunai yang dilaksanakan di Malaysia belum mendapat perhatian pengkaji-pengkaji lepas. Oleh sebab itu, kertas kerja ini akan mengenalpasti beberapa instrumen wakaf tunai yang telah dilaksanakan di Malaysia dan kesan pelaksanaannya terhadap sosioekonomi Malaysia.

## WAKAF TUNAI DAN PERBAHASAN ULAMA

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai kesahan atau kewajaran wakaf tunai. Ini kerana secara semula jadinya wang akan habis apabila digunakan (Baharudin Sayin et al., 2006). Perbahasan mengenai kesahan wakaf tunai bermula pada abad ke-16 pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniah dikalangan ulama fiqh dan ulama kerajaan Uthmaniah, walaupun mengambil masa yang agak panjang, namun akhirnya wakaf wang diharuskan berdasarkan fatwa imam Zufar (Nur Fadhilah, 2009).

Secara asasnya, berwakaf dengan harta alih tidak sah kerana tidak mempunyai elemen kekal sebagaimana yang dikehendaki dalam amalan wakaf dan terdedah kepada kerosakan dan perubahan (Majalah Al-Muamalat, siri 7 2012). Walau bagaimanapun Jumhur ulama iaitu mazhab Syafie, Hambali dan Hanafi membolehkan pewakafan harta alih berasaskan kepada semua harta yang harus dijual dan boleh mendatangkan manfaat dan kekal zatnya boleh diwakafkan (Bakri bin Ibrahim, 2008).

Menurut Imam Syafie harta yang boleh dijual beli boleh diwakafkan selagi manfaatnya dapat dinikmati secara kekal. Oleh itu, mewakafkan harta yang mudah rosak atau musnah seperti makanan dan minuman adalah tidak sah kerana tidak dapat dikekalkan dalam bentuk asal (Majalah Al-Muamalat, siri 7 2012). Mazhab Hanafi juga mempunyai pandangan yang berlainan dan tidak membenarkan pewakafan menggunakan harta alih, kecuali tiga keadaan iaitu pertama, sekiranya harta alih tersebut terletak atau melekat pada harta tak alih seperti mewakafkan pokok yang berada dalam tanah wakaf kerana harta tersebut akan turut sama menyumbang kepada tujuan wakaf (Bakri bin Ibrahim, 2008; Majalah Al-Muamalat, 2012). Kedua, sekiranya ada nas dan **hadis** yang menjelaskan bentuk harta alih dan ketiga sekiranya harta alih tersebut menjadi kebiasaan di sesuatu tempat atau negara seperti hasil penulisan, al-Quran dan wang bolehlah diwakafkan harta alih tersebut (Bakri bin Ibrahim, 2008).

Manakala mazhab Maliki pula mengharuskan berwakaf dengan harta alih seperti wang tunai tanpa mengisyaratkan kekal fizikalnya kerana berpandangan tujuan asal wakaf adalah untuk mendapatkan manfaat daripada harta tersebut (Bakri bin Ibrahim, 2008). Menurut pandangan Ibn Abidin, yang dipetik dari Majalah Al-Muamalat (2012) mewakafkan wang atau duit adalah sah walaupun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuk asal tetapi pengekalan harta boleh direalisasikan dengan menukarkannya kepada bentuk harta lain yang bersifat kekal. Beliau juga berpendapat kesahannya juga bergantung pada uruf masyarakat setempat, jika amalan tersebut jarang-jarang berlaku maka tidak dianggap sebagai adat kebiasaan dan tidak boleh dilakukan.

Walaupun terdapat perbezaan pandangan dan pendapat ulama, namun kesepakatan telah diambil dengan mengharuskan wakaf tunai. Amalan wakaf tunai di Malaysia semakin berkembang dan telah wujud pelbagai alternatif dalam memperkasakan wakaf tunai untuk pembangunan ummah.

Wakaf tunai bukan lagi suatu yang asing dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Menurut Surita Hartini Mat Hassan (2015), wakaf tunai bukan sahaja merupakan alternatif baharu dalam sistem wakaf di Malaysia, malah telah menjadi amalan masyarakat di seluruh dunia, terutamanya di negara-negara Islam. Perlaksanaan wakaf tunai di Malaysia telah berjaya membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di negeri-negeri tertentu dalam mendapatkan dana untuk membangun serta memajukan harta-harta wakaf yang sedia ada.

Berwakaf dengan wang (wakaf tunai) adalah diharuskan di Malaysia berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 77, yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu. Manakala Wakaf tunai di Malaysia, bermula di negeri Perak dengan Majlis Agama dan Adat Melayu Perak (MAIAMP) yang melaksanakannya melalui peruntukan statutori peraturan 18(2), Peraturan Kawalan Wakaf 1959 yang berbunyi :

“Jawatankuasa Kawalan Wakaf Negeri bolehlah menerima wang tunai daripada siapa-siapa yang berhajat hendak mewakafkan bagi faedah am dengan mengisi satu borang yang ditetapkan baginya.”

Peruntukan ini jelas memberikan kebenaran kepada jawatankuasa kawalan Wakaf Negeri Perak menerima wang tunai sebagai harta untuk diwakafkan oleh penyumbang (Farhana Mohamad Suhaimi et al., 2012). Kemudian, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Skim Saham Wakaf Pulau Pinang pada 30 Disember 1994. Pada Oktober 2002 skim ini digantikan dengan Skim Dana Wakaf Pulau Pinang bagi menarik lebih ramai penyertaan dalam kalangan masyarakat Islam setempat untuk beramal jariah (Farhana Mohamad Suhaimi et al, 2012).

Seterusnya diikuti dengan negeri-negeri lain seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) mengeluarkan Skim Wakaf Tunai Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Terengganu yang memperkenalkan Skim Wakaf Tunai Terengganu, Negeri Johor memperkenalkan Saham Wakaf Johor dan seterusnya Majlis Agama Islam Negeri Selangor memperkenalkan Skim Saham Wakaf negeri Selangor (Farhana Mohamad Suhaimi et al., 2012).

Jelas di sini, matlamat utama perlaksanaan wakaf tunai tercapai dan semakin rancak iaitu untuk mengumpul dana bagi membangunkan harta tanah wakaf sedia ada dan mewujudkan wakaf baharu ke arah membangunkan sosio-ekonomi masyarakat

Islam. Berwakaf menggunakan wang tunai dapat membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk melakukan ibadah wakaf, kerana pewakaf tidak perlu mengeluarkan modal yang besar hanya sekurang-kurangnya RM 10. Dan secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah pewakaf dan seterusnya meningkatkan jumlah dana wakaf.

Sebagaimana yang termaktub dalam enakmen Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999, seksyen 17, wakaf tunai merupakan satu konsep baru pelaksanaan wakaf yang diterima oleh mazhab Syafie ialah Saham Wakaf iaitu pembelian lot-lot am secara tunai oleh pewakaf bagi tujuan pembangunan harta-harta wakaf atau apa-apa yang diperolehi oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Saham wakaf yang dibeli secara tunai tersebut akan diwakafkan semula kepada MAIS yang berperanan sebagai pemegang amanah. Ini membuktikan keharusan pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia.

## **INSTRUMEN WAKAF TUNAI DI MALAYSIA**

Salah satu usaha mengembangkan harta wakaf adalah melalui wakaf tunai sebagai alternatif yang memberi ruang dan peluang kepada umat Islam yang tidak berkemampuan untuk berwakaf. Oleh itu, wakaf tunai terbukti sebagai satu alternatif yang menjadikan institusi wakaf lebih produktif (Wan Ariffin Wan Yon et al., 2008). Secara asasnya terdapat dua bentuk wakaf tunai yang diamalkan di Malaysia iaitu wakaf tunai yang mengekalkan *al-ain* dan wakaf tunai yang menukar tunai yang dikumpul kepada harta kekal secara badal. Wakaf tunai *al-ain* ialah mengekalkan jumlah modal asal seperti saham wakaf. Manakala wakaf tunai secara *badal* seperti wakaf saham, wakaf kaki dan wakaf wang tunai. Secara umumnya, pengurusan wakaf tunai melibatkan tiga pihak utama iaitu *wakif* (pemberi wakaf), *mutawalli* (pemegang amanah wakaf) dan *mauquf alaih* (orang yang mendapat manfaat) (Nur Fadhillah, 2009).

### **SAHAM WAKAF**

Saham wakaf merupakan bentuk baru dalam wakaf yang menawarkan satu skim yang menggalakkan seberapa ramai peserta untuk membeli saham-saham pada kadar harga tertentu misalnya RM 10 seunit sahaja. Sijil saham tersebut diwakafkan dengan jumlahnya dikekalkan hanya dividen dan keuntungan saham tersebut dikumpul dan disumbangkan untuk kepentingan umah dan manfaat *mauquf alaih*. Wakaf tunai seperti ini membolehkan lebih ramai umat Islam terbabit dalam amalan wakaf serta dapat meningkatkan lagi pembangunan sosio-ekonomi ummah.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menawarkan Saham Wakaf Selangor kepada umat Islam secara tunai dengan membeli unit-unit saham yang

ditawarkan dan mewakafkan unit saham tersebut kerana Allah SWT dengan tujuan kepentingan dan kebaikan umat Islam. Objektif penubuhan saham wakaf Selangor adalah menyediakan kemudahan dan alternatif kepada masyarakat Islam untuk menyertai ibadah wakaf walaupun tanpa melibatkan aset kekal, memperluas dan memperbanyakkan lagi pegangan harta umat Islam, hasil jualan lot-lot saham wakaf akan dijadikan modal untuk membangunkan harta-harta wakaf atau pembelian hartanah yang sedang dibangunkan serta manfaatnya akan disalurkan untuk kebajikan dan pembangunan masyarakat Islam dan menanam dan mendidik semangat bekerjasama antara umat Islam yang berteraskan konsep *taa'wun dan ukhuwah Islamiah* kerana dengan konsep persepakatan ini dapat membantu menggerakkan sosial dan ekonomi umat Islam( Laman Web Rasmi MAIS, 2012).

Johor Corporation (Jcorp) adalah organisasi corporat yang telah mewakafkan saham miliknya dalam tiga anak syarikatnya iaitu Kulim (Malaysia) Bhd, KPJ Health Care Bhd dan Johor Land Bhd dengan nilai RM 200 juta di bawah pengelolaan kumpulan wakaf An-Nur. Dividen yang diperoleh daripada saham tersebut diagihkan untuk dilaburkan sama ada diberikan kepada MAIN atau untuk kerja-kerja amal dan kebajikan (Wan Ariffin Wan Yon et al., 2008).

## **WAKAF SAHAM**

Wakaf saham atau juga dikenali sebagai wakaf *musytarak* atau berkelompok bermaksud mewakafkan saham-saham yang dibeli secara tunai daripada badan-badan bertauliah yang bertindak sebagai pemegang amanah. Kemudian wang yang terkumpul hasil daripada pembelian saham akan dikumpul dalam satu tabung dana wakaf untuk ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan “*badal*”. Hasil yang diperoleh daripada harta tersebut akan digunakan untuk tujuan kebajikan dan manfaat ummah (Bakri Ibrahim, 2008). Sebagai contoh kerajaan negeri ingin membina bangunan di atas tanah wakaf dengan modal yang diperlukan adalah RM10 juta, maka kemungkinan MAIN akan keluarkan saham yang bernilai RM 10 persaham (Sohaimi Salleh & Syarqawi Muhammad, 2008).

Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) mendefinisikan wakaf saham adalah berwakaf melalui wakaf tunai dengan membeli unit-unit saham yang ditawarkan dan mewakafkan semula saham-saham tersebut kepada YWM sebagai pemegang amanah. Wang pembelian unit saham tersebut dikumpul dalam tabung Saham Wakaf untuk ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan badal (Mohd Bakri Ibrahim, 2008).

YWM mengaplikasikan wakaf saham dengan nama skim wakaf tunai

Malaysia yang pastinya telah menarik minat orang ramai untuk membuat pelaburan yang bebentuk kekal abadi dimana keuntungan yang dinginkan adalah ganjaran daripada Allah SWT dan bukanlah wang ringgit semata-mata (Azri Ahmad, 2008). Antara projek yang telah dirancang oleh YWM dengan berkonsepkan wakaf tunai ialah projek pembangunan sekolah menengah Agama Wilayah Persekutuan (IMTIAZ) dan pembangunan kompleks saudara bar udi Mukim Batu, Kuala Lumpur (Azri Ahmad, 2008; Bakri Ibrahim, 2008).

Selain itu, wakaf saham juga turut diperkenalkan oleh MAIN disetiap negeri di Malaysia antaranya Selangor, Melaka, Johor, Pulau Pinang dan Terengganu. Namun begitu terdapat juga institusi korporat dan badan bukan kerajaan yang turut sama memperkasakan wakaf tunai seperti YADIM dan Johor Corporation (JCorp). YADIM telah mengeluarkan saham wakaf berjumlah RM 14 juta untuk membina Pusat Latihan YADIM di Sungkis Hulu Langat dengan harga RM 1 persaham. Pusat latihan ini dijadikan pusat melatih pendakwah dan lain-lain kegunaan untuk tujuan dakwah (Wan Ariffin Wan Yon et al., 2008).

## **WAKAF KAKI**

Wakaf Kaki atau wakaf petak atau dikenali juga dengan nama wakaf lantai. Nazir wakaf akan membeli keseluruhan harta tanah dan pewakaf akan membeli harta tanah berkenaan mengikut saiz/ kaki persegi dan kemudiannya mewakafkannya kembali. Kebiasaannya Skim wakaf kaki dianjurkan oleh institusi pendidikan atau badan-badan tertentu untuk mendapatkan dana bagi membiayai aktiviti pembangunan. Sekiranya pembangunan yang ingin dilaksanakan telah selesai, maka skim ini akan ditamatkan. Tanah tersebut akan dibahagi-bahagikan kepada lot-lot tertentu mengikut saiz dan dijual kepada orang ramai dengan harga tertentu. Tanah-tanah yang dibeli ini disyaratkan agar diwakafkan semula kepada mutawalli (Mohd Affandi Mohd Rani, 2012).

Sebagai contoh wakaf kaki untuk pembinaan bangunan Surau Ar-Rayyan, di Taman Semenyih Impian (Lot 1510) dengan harga RM 20 sekaki persegi. Taman Semenyih Impian ini merupakan taman yang baharu, di mana majoriti penduduknya adalah beragama Islam iaitu sebanyak 96 peratus dan pembinaan surau ini perlu bagi menampung keperluan penduduk seramai lebih kurang 2000 orang (Surau Ar-Rayyan, t.t).

## **WAKAF WANG TUNAI**

Wakaf wang tunai merujuk kepada berwakaf melalui wang tunai dengan

mewakafkan wang tunai kepada mana-mana pemegang amanah wakaf. Wang-wang tersebut akan dikumpulkan dan kemudiannya ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan *badal*. Manfaat hasil wakaf tunai tersebut digunakan untuk kebajikan dan pembangunan ummah (manual JAWHAR, 2009). Wakaf dalam bentuk wang tunai (ringgit) dibuat secara *tabarru'* dan mengikut kemampuan masing-masing. Dana yang dikumpul akan *diistibdalkan* dengan harta kekal seperti tanah, bangunan dan projek-projek yang memberi manfaat kepada *mauquf alaih*. Dari segi hukum, wakaf jenis dibolehkan kerana selari dengan prinsip dan konsep wakaf (Abu Bakar Manat, 2007).

Menurut Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) skim wakaf tunai ialah berwakaf menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini (iaitu YWM) bagi tujuan membiayai aktiviti-aktiviti dan kebajikan amal jariah (Web YWM). Terdapat beberapa objektif utama skim wakaf tunai oleh YWM antaranya ialah menyuburkan semula amalan wakaf, alternatif baru kepada umat Islam untuk berwakaf, memperbanyak lagi pegangan aset umat Islam dan sebagainya (Sohaimi Salleh & Syarqawi Muhammad, 2008; Mohd Bakri Ibrahim, 2008).

## TAKAFUL WAKAF

Takaful wakaf merupakan produk terbaru takaful insuran yang diperkenalkan oleh syarikat takaful Malaysia. Syarikat takaful akan bekerjasama memasarkan produk wakaf dengan melantik agen-agen daripada kalangan individu atau atau entity berdaftar. Produk takaful wakaf ini lebih bersifat kebajikan am, tujuan pendidikan, pembangunan dan lain-lain (Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwan Wafa, 2010). Syarikat takaful menerima sumbangan daripada waqif yang menyertai program ini. Peserta (waqif) membayar sejumlah tertentu mengikut kemampuan untuk tempoh masa tertentu sehingga matang (Saiffuddin, 2008). Sekiranya *waqif* meninggal sebelum insuran matang, syarikat akan menyumbang dengan jumlah yang sama sebagai pihak menggantikan peserta agar dapat memenuhi kehendak *pewaqif*. Jika sekiranya *pewaqif* masih hidup sehingga tempoh matang, jumlah dana akan diserahkan kepada badan-badan tertentu untuk tujuan wakaf (Sohaimi Salleh & Syarqawi Muhammad, 2008).

---

<sup>1</sup> Secara umumnya istibdal bermaksud penggantian harta wakaf dengan harta yang lain sama ada dari jenis yang sama atau berdasarkan perbandingan nilai dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan hukum syarak (Hasnol Zam Zam Ahmad, 2007).

## **KESAN PERLAKSANAAN WAKAF TUNAI TERHADAP PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DI MALAYSIA**

Secara umumnya wakaf memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam. Ini telah terbukti dengan pengalaman wakaf pada zaman kerajaan Uthmaniah yang telah mengamalkan wakaf tunai sehingga berjaya mengurangkan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan kemudahan kepada masyarakat. Begitu juga di Malaysia wakaf tunai yang diamalkan pada masa kini memperlihatkan sesuatu yang baik dan dapat mengatasi beberapa masalah berkaitan harta-harta wakaf yang gagal dimajukan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Farhana Mohd Suhaimi dan Asmak Ab Rahman (2008) terdapat 4 peranan utama wakaf tunai di Malaysia iaitu membantu dalam menggiatkan aktiviti ekonomi, melengkapkan prasarana tempat beribadah dan sosial, melengkapkan infrastruktur serta pembiayaan pendidikan dan membantu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

### **KESAN TERHADAP EKONOMI**

Menurut kajian Farhana Mohd Suhaimi et al. (2008), dalam menggiatkan aktiviti ekonomi, dana wakaf tunai yang terkumpul bolehlah dijadikan sebagai sumber modal dan dilaburkan dalam sektor yang menjamin pulangan yang tinggi seperti sektor harta tanah, dengan membeli premis perniagaan, pejabat dan sebagainya kemudian disewakan. Dana yang terkumpul juga boleh digunakan untuk membangunkan harta wakaf sedia ada. Penyediaan perkhidmatan pembiayaan secara Islam (Kontrak Qard Al Hassan) juga membolehkan umat Islam membuat pinjaman modal untuk bermiaga dan sebagainya. Kontrak pembiayaan seperti ini dapat mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah terutamanya apabila berlakunya krisis kewangan kerana tiada kadar bunga atau faedah dikenakan.

Sebagai contoh MAINPP telah berjaya membina sebuah bangunan perniagaan dan perkhidmatan dua tingkat yang terdiri daripada sembilan unit kedai pejabat dengan kos 1.4 Juta menggunakan dana wakaf tunai. Bangunan tersebut dikenali sebagai Wisma Syeikh Abdullah Fahim yang terletak di Jalan Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang (Zakaria Bahari & Surita Hartini Mat Hassan, 2016). Pembinaan bangunan perniagaan ini telah memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk bermiaga. Keadaan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf ekonomi dan juga dapat menyediakan kemudahan ruang niaga kepada masyarakat untuk menjalankan perniagaan. Begitu juga dengan pembelian Lot Kedai di Space U8, Bukit Jelutong, Shah Alam dan Lot kedai atau pejabat di Seksyen 7, Shah Alam oleh

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menggunakan sumber dari Dana Saham Wakaf Selangor (Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), 2014). Premis perniagaan ini kemudiannya disewakan dan hasil sewaan diagihkan kepada masjid bagi tujuan pengurusan masjid. Keadaan ini membolehkan pengurusan masjid lebih terjamin terutamanya bagi tujuan penyelenggaraan masjid supaya dapat dimanfaatkan untuk jangka masa yang panjang.

## **KESAN TERHADAP PRASARANA IBADAH DAN SOSIAL**

Pembinaan masjid dan surau penting bagi tujuan kerohanian. Oleh itu, skim wakaf tunai dengan tujuan untuk membina bangunan untuk tujuan penyebaran ilmu agama serta aktiviti kerohanian yang lain perlu diteruskan dalam usaha pembangunan umah di samping dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT (Farhana Mohd Suhaimi et al., 2008). Dengan lahirnya individu muslim yang beragama, cergas dan produktif dapat mewujudkan satu generasi yang cenderung melakukan kebaikan terhadap bangsa, negara dan agama. Lebih banyak masjid atau surau yang terbina di bumi Malaysia yang bukan sahaja sebagai tempat melaksanakan ibadah wajib, tetapi juga aktiviti lain yang berkaitan kerohanian hasil daripada amalan wakaf akan menjadikan Malaysia pusat penyebaran Agama Islam yang disegani.

Pembinaan Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Taman Bandaran Kelana Jaya, Selangor berjumlah RM 8 juta dan Masjid An-Nur, Kampung Kunci Air Buang, Tanjung Karang berjumlah RM 350 ribu merupakan contoh masjid yang dibina melalui Dana Saham Wakaf Selangor sepenuhnya (PWS, 2014). Di Pulau Pinang, hasil kutipan dana wakaf tunai digunakan untuk pembangunan semula dan pemuliharaan masjid di atas hartaanah wakaf seperti masjid Kapitan Keling dan Lebuh Acheh (Zakaria Bahari & Surita Hartini Mat Hassan, 2016). Pemuliharaan bangunan masjid ini telah berjaya mengimarahkan semula masjid dan dapat menarik lebih ramai Jemaah ke masjid tersebut.

## **KESAN TERHADAP PENDIDIKAN**

Sejarah wakaf telah membuktikan institusi wakaf berperanan penting dalam pendidikan sebagaimana terbinanya Masjid Nabawi oleh Nabi Muhammad SAW sendiri yang menjadikan masjid tersebut sebagai pusat penyebaran ilmu-ilmu Allah (Wan Ariffin Wan Yon et al., 2008). Aktiviti wakaf juga turut menyimbang dalam membiayai segala aktiviti pendidikan sebagai contoh university Al-Azhar di Mesir, segala perbelanjaan adalah hasil daripada dana wakaf (Zaki et al., 2008a; Zaki et al., 2008b ) Di Malaysia antara institusi pendidikan yang dibina bermodalkan dana wakaf ialah Kolej Islam Klang,

madrasah dan pondok di negeri Kelantan dan Terengganu (Wan Ariffin Wan Yon et al., 2008)

Tujuan utama wakaf pendidikan adalah bagi menjamin keutuhan institusi wakaf dalam bidang pendidikan dengan membina institusi pendidikan yang berperanan dalam pembangunan masyarakat Islam. Kemudahan yang disediakan akan membantu pelajar melaksanakan tugas sebagai pelajar dengan sempurna dan mampu mempertahankan disiplin ilmu Islam serta mampu menyelamatkan ekonomi umat Islam dan menjadi benteng pertahanan akidah umat Islam (Mohd Zaki et al.,2008b).

Berdasarkan penulisan Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwan Wafa (2010), beliau mencadangkan beberapa kaedah atau cara mengumpul dana pendidikan iaitu infak bulanan dan takaful, infak bulanan dan takaful dan mengumpul dana daripada individu atau korporat. Berdasarkan kaedah pelaksanaan wakaf pendidikan ini boleh mewujudkan sebuah negara yang mempunyai ramai golongan intelektual yang bakal membangunkan ekonomi dan sosial masyarakat Islam.

Sebagai contoh pembangunan bagi tujuan pendidikan yang melibatkan penggunaan hasil wakaf tunai ialah pembangunan Sekolah Rendah Agama di Pulau Indah dengan menggunakan sebahagian daripada dana saham wakaf sebanyak RM 2 juta di Selangor. Begitu juga dengan Pusat Maklumat Komuniti Siber, MAIS, di Wisma MAIS Seksyen 3, berjumlah RM 350 ribu (PWS, 2014). Pembinaan serta penambahbaikkan institusi pendidikan membolehkan institusi pendidikan meneruskan peranannya sebagai tempat menimba ilmu dapat menyumbang kepada peningkatan tahap pendidikan di Malaysia. Dalam masa yang sama dapat melahirkan generasi yang cemerlang dan terbilang.

## **KESAN KEPADA KESIHATAN.**

Wakaf kesihatan bertujuan mengumpul dana untuk tujuan pembiayaan menyediakan kemudahan kesihatan seperti hospital, klinik dan pembelian peralatan berkaitan. Dengan membina hospital wakaf yang mampu memberikan perkhidmatan secara percuma atau dengan kos yang rendah sebagai contoh penubuhan pusat-pusat dialisis pesakit buah pinggang (Wan Ariffin Wan Yon et al., 2008)

Johor Corporation (JCorp) adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab membina dan menguruskan 16 buah klinik wakaf An-Nur dan sebuah hospital wakaf An-Nur Pasir Gudang (HWAN). Berdasarkan laporan tahunan 2011 Jcorp jumlah pesakit yang mendapat rawatan sehingga akhir tahun 2011

ialah seramai 765, 611 orang di mana 6 peratus daripadanya adalah pesakit bukan beragama Islam. Jumlah pesakit buah pinggang yang mendapat rawatan juga meningkat sehingga 113 orang (Web JCorp, 2012). Klinik wakaf An-Nur ini menyediakan perkhidmatan rawatan asas kepada masyarakat dengan bayaran hanya RM 5 bagi kos rawatan dan ubat-ubatan (Web JCorp, 2012). Kemudahan perkhidmatan seperti dapat membantu meringankan bebanan masyarakat mendapatkan rawatan kesihatan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perkembangan terkini, pembangunan harta wakaf semakin diberi perhatian dengan adanya seminar dan konvesyen diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru wakaf tunai seharusnya menjadi mekanisme utama kerajaan dan badan bukan kerajaan dalam meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat. Ini kerana sudah terbukti banyak faedah yang dapat dinikmati daripada amalan wakaf tunai. Wakaf tunai juga bukan hanya memberikan manfaat kepada masyarakat malah kerajaan dan negara kerana melalui wakaf tunai dapat mengurangkan bebanan kerajaan dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan secara percuma atau dengan kos yang rendah kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan amalan wakaf tunai ini agar lebih berkesan memerlukan satu tahap ketelusan yang tinggi dan kepakaran yang terbaik daripada golongan profesional atau pentadbir wakaf itu sendiri. Sokongan kerajaan dan organisasi korporat sememangnya diperlukan bagi memartabatkan institusi wakaf khususnya di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Manat. (2007). Isu-isu semasa berhubung pembangunan tanah wakaf. *Jurnal Pengurusan JWZH*, Vol. 1, No. 1, 53-72.
- Achmad Tohirin. (2010). The cash waqf for empowering the small business. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat And Waqf Economy*, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Ahmad Mohsein bin Azmi. (t.t). *Sejarah wakaf korporat di Malaysia*. Diakses dari <http://www.themalaysianinsider.com/mobile/rencana/article/sejarah-wakaf-koperat-dimalaysia-ahmad-mohsein-bin-azmi/>.
- Ahmad Zaki Abd. Latif, Norzaidi Mohd Daud & Che Zuina Ismail. (2008). Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia. *Jurnal pengurusan JAWHAR*, Vol. 2, No. 2, 25-61.

Ahmad Zaki Abd. Latif, Abd Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd. Daud. (2008). *Wakaf: Pengurusan dan sumbangannya terhadap pendidikan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.

Azri Ahmad. (2008). Pelaksanaan skim wakaf tunai oleh yayasan waqaf Malaysia. *Jurnal pengurusan JAWHAR*, Vol. 2, No. 2, 87-98.

Baharudin Sayin, Asmak Ali & S. Salahuddin Suyurna. (2006). *Pengenalan pengurusan wakaf di Malaysia*. Selangor: Penerbitan Universiti Teknologi Mara.

Che Khadijah Hamid. (2010). Wakaf tunai di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP): Satu tinjauan awal sorotan karya. Kertas Kerja dibentangkan di *The 5th ISDEV International Graduate Workshop* (INGRAW10), anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), di Dewan Persidangan Utama USM, pada 21-22 September 2010.

Cizacka. M (2011). Waqf in history and implications for modern Islamic economies. Dlm. Kahf. M & Siti Mashitoh Mahamood (Eds.), *Essential readings in contemporary waqf issues*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd.

Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman. (2012). Perkembangan wakaf tunai dan potensi sumbangannya dalam pembangunan sosio ekonomi masyarakat Islam. *Prosiding seminar Antarabangsa Penyelidikan Pengajaran Islam* 15-16 Februari 2012, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Hasnol Zam Zam Ahmad. (2007). Cabaran dalam mempertingkatkan potensi pembangunan tanah wakaf. *Jurnal Pengurusan JWZH* Vol. 1, No. 1, 1-12.

Hydzulkifli Hashim Omar dan Asmak Ab Rahman. (2015). *Pembentukan pembangunan harta wakaf menggunakan sukuk*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ibn Manzur, Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Afriqi al-Masri. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.

Idrus Andy Rahman. (2010). *Wakaf wang dalam perspektif fikh*. Diakses dari <http://www.elzawa-uinmaliki.org/wakaf-uang-dalam-perspektif-fikih/>.

- Jurjani, Ali bin Muhammad al-Sayid al-Syariff. (2004). *Mu'jam al-Ta'rifat* (Tahqiq) Muhammad Sadiq al-Minsyawi. Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Mohd Affendi Mohd Rani. (2012). *Wakaf menurut undang-undang di Malaysia*. Diakses dari <http://drafendi.blogspot.com/2012/02/wakaf-menurut-undang-undang-di-malaysia.html>.
- Mohd Bakri Ibrahim. (2008). Pelaksanaan skim wakaf tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 2, No. 1, 1-12.
- Muhammad Abu Zahrah. (2007). *Wakaf menurut Agama dan undang-undang* (H. Muhammad Yusuf Sinaga. Terj.). Puchong, Selangor: Berlian Publication Sdn. Bhd.
- Muhammad Hisyam Mohamad. (2009). Wakaf tunai dan potensinya kepada pembangunan sosio ekonomi Ummah di Malaysia. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)* - Vol.6. No.1.
- Muhammad Umar Mohd Marzuki, Shahida Shahimi, Abdul Ghafar Ismail & Zaini Embong. (2012). Tackling poverty: A look at cash waqf. *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 2, 1611-1623 ISSN: 2231-962X.
- Nur Fadhilah. (2009). Wakaf tunai: Potensi dan alternatif pengelolaan. *AHKAM* Vol. 11, No. 2, 160-172.
- Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). (2014). Album Pembangunan. Diakses dari <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/styles/pembangunan>.
- Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani. (2009). *Wakaf tunai: Mekanisma sumber pembiayaan IPTA*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan, anjuran Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur pada 10-11 Februari 2009.
- Razali Othman. (2012). *Pengesahan perundangan wakaf tunai: Satu analisis pandangan ulama fiqh dan Uthmaniah*. Kertas Kerja yang dibentangkan di *the 7th ISDEV International Graduate Workshop* (INGRAW 2012), anjuran pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), pada 30 dan 31 Oktober 2012, di Dewan Persidangan Universiti (DPU), USM.
- Razali Othman. (2015). *Wakaf Tunai Sejarah, Amalan dan Cabaran Masa Kini*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sanep Ahmad & Nur Diyana Muhamed. (2011). *Institusi wakaf dan pembangunan ekonomi Negara: Kes pembangunan tanah wakaf di Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI (PERKEM VI), Melaka, Malaysia, pada 5-7 Jun 2011.

Sohaimi Salleh & Syarqawi Muhammad. (2008). Waqaf development in Malaysia: Issues and challenges. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* vol. 2, No. 1, 13-35.

Suhrawardi Lubis. (2012). *Wakaf tunai Muhammadiyah Sumatera Utara: Kajian hukum dan potensi*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, USM, tidak diterbitkan.

Surita Hartini Mat Hassan. (2015). *Potensi Dinar Emas Dalam Wakaf Tunai*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suyuti, Abd al-Rahman Abi Bakar. (1996). *al-Dibaj 'ala Sahih Muslim bin Hujjaj*, al-Mamlakah al-Árabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn Áffan.

Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa. (2010). *Pembangunan wakaf pendidikan Di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seventh International Conference-The Tawhidi Epistemology: Zakat And Waqf Economy*, Bangi 2010.

Tanpa Pengarang (t.t). *Wakaf tunai Malaysia*. Diakses dari <http://ywm.org.my/wakaf/wakaf-tunai-malaysia/>.

Tanpa Pengarang (t.t). *Klinik Waqaf An-Nur Sarawak*. Diakses dari web rasmi Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak, diakses dari <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/programbela02.html>.

Tanpa Pengarang (t.t). *Waqaf An-Nur Hospital & Clinic*. Diakses dari <http://www.jcorp.com.my/waqaf-an-nur-hospital-clinic-35.aspx>

Tanpa Pengarang (2012). Saham Wakaf Selangor <http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/2012-04-27-03-02-07/2012-05-14-15-44-41/saham-wakaf-selangor> diaksess pada 21 March 2013.

Tanpa Pengarang (tt). Pembinaan Surau Ar-Rayyan. Diakses dari <http://surauarrayyan.wordpress.com/pembinaan-surau/pada21March2013>.

Tanpa Pengarang (2006). *Skim Saham Wakaf Selangor*. Diakses dari [https://zakatsel.com.my/baru/k-zakat/wakaf\\_bentuk2.asp](https://zakatsel.com.my/baru/k-zakat/wakaf_bentuk2.asp) pada 22 March

2013. Unit Penyelidikan Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad (2012). “Wakaf Tunai: Hukum dan Konsep Asas”, *Majalah Al-Muamalat* siri 7 2012.
- Wan Ariffin Wan Yon, Mohd Syahiran Abdul Latif & Hassan Bahrom (2008). “Mekanisme Wakaf: Gagasan Awal Terhadap Pembangunan Dan Pembiayaan Pusat Penyelidikan Dan Perkembangan Islam Borneo,” dalam *Jurnal pengurusan JAWHAR* Vol. 2, No. 2, 63-86.

Zakaria Bahari & Surita Hartini Mat Hassan. (2016). Pembangunan wakaf produktif: Kes kajian di Pulau Pinang. Kertas kerja yang dibentangkan di *Koferensi Internasional Pembangunan Islam* 3, Universitas Jember, Jawa Timur, Republik Indonesia pada 22 – 23 September 2016.



